

PM lancar tiga model terbaru motosikal Modenas

KUALA LUMPUR 23 Ogos — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini melancarkan tiga model terbaru keluaran Motosikal dan Enjin Nasional Sdn. Bhd (Modenas) iaitu skuter *Ceria* dan *Elit* serta *Dinamik*, yang merupakan motosikal enjin dua lejang.

Skuter *Elit* yang mempunyai 150 kuasa kuda (cc) dijual pada harga RM5,538 mulai hari ini, manakala model *Ceria* 100cc dan *Dinamik* hanya akan memasuki pasaran masing-masing pada pertengahan September dan Oktober ini.

Dr. Mahathir berkata, pengeluaran tiga produk terbaru itu akan terus meletakkan Modenas di hadapan sebagai pengeluar motosikal terbesar di Malaysia, sekali gus membuktikan kebolehan negara dalam teknologi kejuruteraan.

Beliau juga yakin eksport motosikal Modenas mempunyai masa depan cerah serta mampu bersaing dengan keluaran negara lain berasaskan kualiti bertaraf dunia dan harga yang berpatutan.

Skuter *Ceria* 100cc dijangka dijual tidak melebihi RM4,700 manakala harga model kapa *Dinamik* pula kurang daripada RM6,200.

"Kebolehan mencipta dan mengeluarkan barangan sendiri penting untuk mengurangkan kos supaya mampu bersaing dengan produk negara lain, walaupun tanpa perlindungan cukai.

"Ini membuktikan kita sudah dewasa dan tidak lagi bergantung dengan orang asing dalam industri utama," katanya ketika berucap melancarkan tiga produk terbaru Modenas itu di sini hari ini.

Dengan pelancaran tersebut, Modenas kini mempunyai enam model motosikal iaitu *Kriss* yang dilancarkan pada 1996, *Jaguh* pada 1999 dan skuter nasional pertama, *Karisma* pada Januari lalu.